☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 19/6/2012
Hari: SELASA M/S: U26
Ruangan: SUKAN

UUM sasar tiga terbaik dalam Kejohanan Golf IPTA ke-40

SINTOK – Pasukan tuan rumah Kejohanan Golf IPTA Malaysia ke-40, Universiti Utara Malaysia (UUM) menyasarkan kedudukan tiga terbaik keseluruhan untuk kejohanan kali ketiga dianjurkan oleh universiti itu.

Naib Canselor, Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, sebagai tuan rumah pasukan UUM meletakkan harapan tinggi untuk meraih kejayaan dan berharap pemain berusaha bersungguh-sungguh untuk mengharumkan nama baik UUM.

"Saya harap semua pemain yang terpilih mewakili universiti dapat bermain dengan semangat dan memberikan persembahan terbaik, dengan sekurang-kurangnya menduduki tempat ketiga teratas," katanya kepada pemain yang mewakili UUM di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, kelmarin.

Sementara, Ketua Pasukan Golf UUM, Dr Azman Yasin berkata, beliau dan 13 rakan sepasukannya akan memberikan komitmen dan persembahan yang terbaik.

"Walaupun antara kami nanti bakal beraksi berlainan lokasi, saya yakin kami dapat memberi komitmen tinggi sewaktu pertandingan untuk memastikan UUM dapat mencapai sasaran yang diletakkan.

"Pemain sudah bersiap sedia untuk kejohanan, pemilihan pemain kali ini juga berdasarkan komitmen dan disiplin sewaktu sesi pemilihan sepanjang empat bulan lalu," katanya.

Kejohanan melibatkan lebih 200 peserta daripada 20 IPTA berlangsung di tiga lokasi terpilih iaitu Havard Golf and Country Club dan Black Forest Golf and Country Club di Kedah dan satu lagi di Kelab Golf Putra, Perlis.

Canselor, Pro Canselor, Ahli Lembaga Pengurusan Universiti dan Naib Canselor seluruh IPTA dijangka hadir memeriahkan kejohanan.

Mohamed Mustafa (tiga, kanan) menyerahkan bendera UUM kepada ketua pasukan.